

27 AUG 1998

Mahathir-Ekonomi

EKONOMI M'SIA KUNCUP 7 PERATUS DALAM SUKU KEDUA, KATA MAHATHIR

KUCHING, 27 Ogos (Bernama) -- Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia merosot sebanyak -7 peratus dalam suku kedua daripada -1.8 peratus dalam suku pertama tahun ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya negara mesti bersiap sedia dari sekarang kerana ia tidak boleh menunggu sehingga terjadi malapetaka yang menyebabkan terlalu sukar untuk memulihkan keadaan.

"Kalau ia merosot lagi, kita akan rasa akibatnya," kata beliau pada majlis pemimpin bersama rakyat di sini.

Katanya kerajaan mempunyai rancangan untuk memulihkan ekonomi dan ia sedikit sebanyak telah menunjukkan kejayaan.

Di banyak negara lain yang diserang oleh penyangak mata wang, banyak bank dan perusahaan terpaksa ditutup dan pekerja kehilangan pekerjaan seperti syarikat gergasi Hyundai di Korea Selatan.

"Ini belum terjadi kepada kita. Tapi sudah jadi kepada jiran-jiran kita sehingga 24 juta hilang kerja, bank-bank dan syarikat ditutup kerana bankrap dan rakyat hilang mata pencarian dan tidak dapat membeli barangan keperluan," katanya.

"Kita tak boleh tunggu sehingga kita menjadi begitu. Kita perlu bertindak sekarang dan menyusun langkah kerana apa yang berlaku kepada jiran kita boleh berlaku kepada kita.

Dr Mahathir berkata sesetengah penduduk Sarawak tentunya telah melihat keadaan daif rakyat negara jiran akibat kegawatan ekonomi yang menimpa mereka sehinggakan terpaksa menjual apa sahaja yang ada untuk membeli makanan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata masih banyak rakyat Malaysia yang belum memahami masalah ekonomi yang dihadapi sekarang memandangkan kesan sebenarnya belum dirasakan mereka.

Katanya rancangan kerajaan untuk memulihkan ekonomi sedikit sebanyak mencapai kejayaan kerana negara tidak tunduk kepada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) seperti yang dijangka media asing.

"Mereka kata kita akan tetap tunduk kepada IMF...tetapi tidak. Kita terus menguruskan ekonomi dengan cara kita sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir berkata negara akan cuba memulihkan bank-bank dan syarikat-syarikat yang boleh membantu menggerakkan semula ekonomi negara.

Dr Mahathir yang tiba pagi tadi untuk lawatan kerja dua hari ke Sarawak, berkata kerajaan akan tetap membayar pinjaman yang diterima sekalipun terpaksa menanggung kadar faedah yang tinggi akibat penurunan taraf kredit negara.

Kira-kira 7,000 rakyat Sarawak dari pelbagai tempat membanjiri Stadium Perpaduan di Petra Jaya untuk mendengar penjelasan Dr Mahathir mengenai keadaan ekonomi negara. Sarawak merupakan negeri terakhir dalam siri lawatan beliau ke seluruh negara untuk tujuan itu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Ketika menjelaskan keadaan ekonomi negara sekarang akibat serangan terhadap ringgit, Dr Mahathir berkata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kini menurun kepada paras AS\$40 bilion berbanding AS\$100 bilion sebelum kegawatan yang bermula Julai tahun lepas.

Katanya pendapatan per kapita juga merosot daripada AS\$5,000 kepada

AS\$2,000 sekarang.

"Walaupun penyangak mata wang hanya mendapat antara AS\$5 bilion dan AS\$10 bilion, kita kehilangan AS\$60 bilion begitu sahaja," kata beliau.

Katanya, pasaran saham juga menjadi sasaran sehingga sesetengah syarikat menjadi mufliis.

Dr Mahathir berkata Malaysia diserang penyangak mata wang kerana negara ini, bersama-sama negara lain seperti Thailand, Indonesia dan Korea Selatan, mempunyai kekayaan.

"Apa yang mereka lihat ialah Malaysia cukup kaya untuk disamun... orang tidak samun negara miskin... sebab itu negara-negara miskin tidak diserang dan mata wang tidak jatuh," katanya.

Katanya masalah ekonomi rantau ini juga akhirnya menjejaskan prestasi syarikat gergasi negara-negara maju seperti pembuat kapal terbang Boeing kerana negara Asia yang menjadi miskin itu sama ada tidak membeli pesawat baru atau cuba menjual pesawat yang telah dibeli.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata: "Mungkin satu hari eksekutif Boeing akan duduk di tepi jalan untuk menjual pesawat secara jualan murah."

Sambil berterima kasih kepada rakyat kerana memberikan sokongan padu mereka selama ini kepada kerajaan, beliau berkata mereka perlu berbelanja secara bijak dengan mengurangkan pembelian barangan import.

Dr Mahathir juga menghargai langkah golongan pekerja di negara ini yang tidak melakukan tindakan liar seperti mogok yang boleh menghalang proses memulihkan ekonomi.

-- BERNAMA
MAM OPP NMO